



PLANMalaysia
@Terengganu
Perancangan Melangkuai Kelezman
Planning: Beyond Conventional



2035

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA TERENGGANU (PENGUBAHAN 1)



PENGUBAHAN

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA TERENGGANU 2035

- PENGUBAHAN 1 -

Diterbitkan oleh:

PLANMalaysia
@Terengganu

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

PLANMalaysia Negeri Terengganu
Tingkat 3 dan 4, Wisma Negeri,
20646 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

PRAKATA

Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu 2035 (Pengubahan) ini disediakan bagi tempoh perancangan sehingga 2035 selaras dengan peruntukan Seksyen 16, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Pengubahan dibuat kepada Matriks dan Jadual Kelas Kegunaan Tanah yang melibatkan keseluruhan RT Daerah Kuala Terengganu 2035 (Pengubahan). Dokumen ini telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Terengganu ([No. Warta 1700, \(Jilid 72 No. 26\)](#) pada [19 Disember 2019](#) dan perlu dibaca bersama dengan;

- Rancangan Tempatan (RT) Daerah Kuala Terengganu yang telah diwartakan [19 Disember 2019](#) dengan ([No. Warta 1700, \(Jilid 72 No. 26\)](#)

RT Daerah Kuala Terengganu 2035 (Pengubahan) yang disediakan ini diharap berupaya memberi kesan positif kepada perancangan dan pembangunan di Daerah Kuala Terengganu.

ISI KANDUNGAN

1

PENGENALAN

Keperluan Pengubahan
Guna Tanah Semasa Daerah Kuala Terengganu 2021 dan
Cadangan Guna Tanah Daerah Kuala Terengganu 2035

1

2

3

2

KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN

Matriks Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan
Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan

4

5

PENGENALAN

Rancangan Tempatan (RT) Daerah Kuala Terengganu 2035 sedia ada telah diwartakan pada 19 Disember 2019 dengan (No. Warta 1700, Jilid 72 No. 26). Dengan mengambil kira beberapa keperluan dan senario pembangunan semasa, Rancangan Tempatan (RT) Daerah Kuala Terengganu 2035 (Pengubahan) yang diwartakan pada xx dalam no warta xx telah disediakan dan perlu dibaca bersama RT Daerah Kuala Terengganu 2035 sedia ada.

Sehingga tahun 2021, Kerajaan Negeri telah menerima banyak permohonan bagi Pajakan Melombong (Mining Lease-ML) dan Lesen Melombong Tuan Punya (Proprietary Mining Licence-PML), namun permohonan tersebut tidak diberikan kelulusan pajakan melombong atau lesen melombong. Tidak seperti aktiviti guna tanah yang lain, pembangunan mineral mempunyai cabaran yang sering dikaitkan dengan kesan pencemaran dan degradasi tanah selepas dilombong yang memberi impak terhadap aspek sosial dan ekosistem alam semulajadi. Walaubagaimanapun, permintaan terhadap aktiviti pembangunan mineral ini semakin meningkat berikutan nilai pasaran yang tinggi serta memberi kesan positif terhadap perkembangan ekonomi.

Oleh itu, pengubahan RT dilihat sebagai salah satu mekanisme dalam menambahbaik pengendalian isu pembangunan mineral ini untuk membantu pembuat keputusan dalam mengawal selia aktiviti perlombongan/pengkuarian agar ianya dijalankan mengikut tatatcara dan kaedah yang mampan selaras dengan dasar di peringkat Negeri dan Negara.

DEFINISI

"Pengkuarian" ertinya memecahkan atau menggali bumi untuk tujuan mengeluarkan dan memindahkan bahan batuan daripada mana-mana tanah dan termasuk proses penghancuran, pengisaran, penyediaan atau pengolahan lain ke atas bahan itu di atas tempat itu atau di mana-mana tempat lain dalam negeri (Kaedah-kaedah Kuari Terengganu 2007); dan

"Perlombongan" ertinya dengan sengaja mendapatkan, memperolehi, atau mengeluarkan apa-apa mineral dengan apa-apa cara atau kaedah atau bagi maksud meriau, mengolah atau menyediakan bijih mineral termasuklah apa-apa pengendalian secara langsung atau tak langsung dan yang perlu baginya atau yang bersampingan dengannya (Enakmen Mineral Terengganu 2002).

KEPERLUAN PENGUBAHAN

Cadangan pengubahan Rancangan Tempatan merupakan kesinambungan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.2/2022 pada 17 April 2022 yang bersetuju terhadap pelaksanaan spatial dan guna tanah di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Keperluan terhadap pengubahan Rancangan Tempatan ini adalah turut mengambil kira pembangunan dan senario semasa di mana data potensi mineral yang tepat hanya dapat diperolehi selepas aktiviti carigali dan penjelajahan mineral dibuat, maka pengezonan perlombongan/pengkuarian sebagai satu zon guna tanah yang khusus dalam Rancangan Tempatan hanya dapat dibuat selepas peringkat tersebut dan hampir keseluruhan kawasan perlombongan adalah terletak di dalam Zon Pertanian dan Zon Hutan.

Setiap kelulusan pajakan melombong oleh Pihak Berkuasa Negeri akan disyaratkan penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) di mana Jabatan Alam Sekitar telah menetapkan setiap cadangan pembangunan hendaklah selari dengan ketetapan zon guna tanah di dalam Rancangan Tempatan Daerah yang diwartakan sebagaimana ketetapan Seksyen 34A (4) (a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Zon guna tanah yang tidak selaras dengan rancangan pemajuan akan menyebabkan Laporan EIA tidak dapat diproses atau tidak dapat di luluskan. Justeru itu, pengubahan Rancangan Tempatan ini adalah memfokuskan kepada aktiviti perlombongan dan pengkuarian yang melibatkan tiga (3) zoning utama zon pertanian, hutan dan industri serta menambahbaik Kelas Kegunaan Tanah (KGT) dalam Rancangan Tempatan tersebut

GUNATANAH SEMASA DAERAH KUALA TERENGGANU 2021 DAN CADANGAN GUNA TANAH DAERAH KUALA TERENGGANU 2035

GUNA TANAH SEMASA 2021

Guna tanah semasa yang utama ialah guna tanah pertanian dengan keluasan 10 912.78 hektar (51.91%) dan perumahan dengan keluasan 3221.74 hektar (15.33%).

Jadual 1: Guna Tanah Semasa Daerah Kuala Terengganu 2021 (Pengubahan 1)

Guna Tanah	Zon Guna Tanah Semasa 2021	
	Keluasan (Hektar)	Peratus
Perumahan	3,221.74	15.33
Komersial	301.487	1.43
Perindustrian	86.4109	0.41
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	712.098	3.39
Infrastruktur dan Utiliti	267.729	1.27
Hutan	526.135	2.50
Pertanian	10,912.78	51.91
Tanah Lapang dan Rekreasi	239.198	1.14
Badan Air	1,494.58	7.11
Pengangkutan	1,388.8	6.61
Tanah Kosong	1,870.51	8.90
Jumlah	21,021.47	100.00

CADANGAN GUNA TANAH 2035 (PENGUBAHAN)


Guna tanah RT Daerah Kuala Terengganu (Pengubahan 1) menunjukkan penggunaan tanah sehingga 2035. Ia merupakan panduan di dalam pemajuan dan pengawalan pembangunan di Daerah Kuala Terengganu.

Jadual 2: Cadangan Guna Tanah Daerah Kuala Terengganu 2035

Guna Tanah	Zon Guna Tanah 2035	
	Keluasan (Hektar)	Peratus
Perumahan	13,077.85	62.20
Komersial	501.82	2.41
Perindustrian	49.47	0.24
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	874.20	4.16
Infrastruktur dan Utiliti	113.27	0.54
Hutan	1,916.97	9.10
Pertanian	732.20	3.48
Tanah Lapang dan Rekreasi	450.15	2.14
Badan Air	2,080.21	9.90
Pengangkutan	1,225.33	5.83
Jumlah	21,021.47	100.00

PETA GUNA TANAH SEMASA 2021

KUALA TERENGGANU



PETUNJUK

- | | |
|-------------------------|---------------------------------------------------------------------------|
| ● Perumahan | ● Rumah Kebajikan |
| ● Kampung Warisan | ● Kemudahan Awam |
| ● Perumahan Stabil | ● Kawasan Lapang |
| ● Komersial | ● Hutan |
| ● Komersial Pelancongan | ● Pertanian |
| ● Industri | ● Rizab Jalan & Pengangkutan |
| ● Institusi | ● Bekalan Elektrik, Pembentangan, Telekomunikasi., Pelupusan Sisa Pepejal |
| ● Pendidikan | ● Bekalan Air, Pengairan dan Perparitan |
| ● Keagamaan | |
| ● Kesihatan | |
| ● Keselamatan | |
| ● Perkuburan | |




PLANMalaysia
@Terengganu
Pembangunan Tempatan, Inovasi dan
Persekitaran



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH
KUALA TERENGGANU 2035
(PENGUBAHAN)

PETA CADANGAN GUNA TANAH 2035

DAERAH KUALA TERENGGANU



TANPA SKALA

PETUNJUK

- | | |
|-------------------------|---------------------------------------------------------------------------|
| ● Perumahan | ● Rumah Kebajikan |
| ● Kampung Warisan | ● Kemudahan Awam |
| ● Perumahan Stabil | ● Kawasan Lapang |
| ● Komersial | ● Hutan |
| ● Komersial Pelancongan | ● Pertanian |
| ● Industri | ● Rizab Jalan & Pengangkutan |
| ● Institusi | ● Bekalan Elektrik, Pembentangan, Telekomunikasi., Pelupusan Sisa Pepejal |
| ● Pendidikan | ● Bekalan Air, Pengairan dan Perparitan |
| ● Keagamaan | |
| ● Kesihatan | |
| ● Keselamatan | |
| ● Perkuburan | |



PLANMalaysia
@Terengganu
Pembangunan Tempatan, Inovasi dan
Persekitaran



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH
KUALA TERENGGANU 2035
(PENGUBAHAN)

MATRIKS KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN

Jadual 3 : Matriks Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan

Guna Tanah Utama	Industri			
	C13	C14	C15	C16
	Industri Pembuatan Kaca, Getah, Tanah, Plaster & Simen	Industri Pembuatan Mineral, Logam Dan Keluli	Industri Berasaskan Pengangkutan	Industri Berat
Industri				
Industri	B	B	B	B
Pertanian				
Pertanian	BS	BS	BS	BS
Hutan				
Hutan	BS	BS	BS	BS
Dibenarkan	B	Dibenarkan Bersyarat	BS	Tidak dibenarkan
				T

Nota :

- Dibaca bersekali sebagaimana Jadual 3 : Matriks Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan, Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu 2035 Jilid III.
- Matrik Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan ini hanya tertakluk bagi **aktiviti Pengkuarian dan Perlombongan Sahaja** dan tidak melibatkan aktiviti-aktiviti industri lain sebagaimana Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu 2035 Jilid III.
- Sebarang perubahan kelas kegunaan tanah dan bangunan adalah tertakluk kepada ketetapan dasar Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.
- Kelas kegunaan tanah dan bangunan adalah tertakluk kepada kawalan terperinci sebagaimana Jadual 4.6: Kawalan Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS di dalam Jilid II, Rancangan Tempatan Kuala Terengganu 2035.

KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN

Jadual 4 : Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan

Kelas C Industri		
Kelas	Penerangan	Aktiviti
Kelas C13 Industri Pembuatan Kaca, Getah, Tanah, Plaster, Simen dan Kayu	<p>Premis atau kawasan yang menyediakan perkhidmatan pembuatan berdasarkan kaca, getah, tanah, plaster, simen dan kayu.</p> <p>Nota: Aktiviti perlombongan dan pengkuarian dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat kelulusan / persetujuan dari agensi teknikal yang berkaitan; ii. Kawasan tadahan air perlu dikekalkan; iii. Sebarang aktiviti perlombongan dan pengkuarian perlu mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang dan pelan-pelan berkaitan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal terlibat; iv. Bagi kawasan perlombongan dan pengkuarian perlu dikembalikan kepada keadaan yang stabil dan produktif supaya dapat dimanfaatkan semula setelah tamat tempoh pajakan; v. Kawasan perlombongan dan pengkuarian di Hutan Simpanan Kekal (HSK) tidak dibenarkan; vi. Kawasan Central Forest Spine (CFS) yang terletak di luar HSK sahaja yang dibenarkan untuk aktiviti perlombongan dan pengkuarian; vii. Perlu mematuhi Garis Panduan Pemulihan Tapak Perlombongan dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) (sekiranya tapak terlibat berada di dalam kawasan CFS) dan GPP Kawasan Sensitif Alam Sekitar terbitan PLANMalaysia (sekiranya tapak terlibat berada di dalam kawasan KSAS); dan viii. Sekiranya melibatkan zon pesisiran pantai – hendaklah mematuhi garis panduan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara ke-2. <p>Nota: Kawasan yang dikenalpasti terdapatnya potensi mineral yang ekonomik adalah dibenarkan dengan syarat untuk kerja-kerja eksplorasi, cari gali dan pajakan melombong dan kuari mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral (Terengganu) 2002.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembuatan produk getah 2. Pembuatan kaca dan produk kaca 3. Pembuatan kapur dan plaster 4. Pembuatan barang berdasarkan tanah liat 5. Pembuatan simen dan produk konkrit 6. Aktiviti –aktiviti lain yang berkaitan

Nota:

- a. Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan ini perlu dibaca bersama:
 - i. Jilid I dan III di dalam RT Daerah Kuala Terengganu 2035, Warta pada 19 Disember 2019, (No. Warta 1700), dan
 - ii. Jadual 4 : Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan Jilid III, Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu 2035

- b. Aktiviti perlombongan dan pengkuarian di Hutan Simpanan Kekal (HSK) tidak dibenarkan kecuali bagi permohonan yang telah diluluskan oleh MMKN sehingga September 2022.

KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN

Jadual 4 : Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan

[Sambungan...](#)

Kelas C Industri		
Kelas	Penerangan	Aktiviti
Kelas C14 Industri Pembuatan Mineral, Logam Dan Keluli	<p>Premis atau kawasan yang menyediakan perkhidmatan pembuatan berdasarkan mineral, logam dan keluli.</p> <p>Nota: Aktiviti perlombongan dan pengkuarian dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat kelulusan / persetujuan dari agensi teknikal yang berkaitan; ii. Kawasan tadahan air perlu dikekalkan; iii. Sebarang aktiviti perlombongan dan pengkuarian perlu mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang dan pelan-pelan berkaitan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal terlibat; iv. Bagi kawasan perlombongan dan pengkuarian perlu dikembalikan kepada keadaan yang stabil dan produktif supaya dapat dimanfaatkan semula setelah tamat tempoh pajakan; v. Kawasan perlombongan dan pengkuarian di Hutan Simpanan Kekal (HSK) tidak dibenarkan; vi. Kawasan Central Forest Spine (CFS) yang terletak di luar HSK sahaja yang dibenarkan untuk aktiviti perlombongan dan pengkuarian; vii. Perlu mematuhi Garis Panduan Pemulihan Tapak Perlombongan dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) (sekiranya tapak terlibat berada di dalam kawasan CFS) dan GPP Kawasan Sensitif Alam Sekitar terbitan PLANMalaysia (sekiranya tapak terlibat berada di dalam kawasan KSAS); dan viii. Sekiranya melibatkan zon pesisiran pantai – hendaklah mematuhi garis panduan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara ke-2. <p>Nota: Kawasan yang dikenalpasti terdapatnya potensi mineral yang ekonomik adalah dibenarkan dengan syarat untuk kerja-kerja eksplorasi, cari gali dan pajakan melombong dan kuari mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral (Terengganu) 2002.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Produk mineral bukan logam lain 2. Industri primer besi dan keluli 3. Faundri (melebur logam atau kaca) 4. Industri melebur timah/kitar semula timah 5. Asas logam lain yang tidak mengandungi ferum (unsur logam yang digunakan untuk membuat keluli besi) 6. Aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan

Nota:

- a. Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan ini perlu dibaca bersama:
 - i. Jilid I dan III di dalam RT Daerah Kuala Terengganu 2035, Warta pada 19 Disember 2019, (No. Warta 1700), dan
 - ii. Jadual 4 : Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan Jilid III, Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu 2035
- b. Aktiviti perlombongan dan pengkuarian di Hutan Simpanan Kekal (HSK) tidak dibenarkan kecuali bagi permohonan yang telah diluluskan oleh MMKN sehingga September 2022.

KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN

Jadual 4: Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan

Sambungan...

Kelas C Industri		
Kelas	Penerangan	Aktiviti
Kelas C15 Industri Berasaskan Pengangkutan	<p>Premis atau kawasan yang menyediakan perkhidmatan pembuatan untuk kenderaan.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hanya aktiviti pembuatan kapal dan bot tradisional dengan pemajuan bersifat sementara boleh dibenarkan dengan syarat di dalam guna tanah kampung warisan. ii. Hanya aktiviti pembuatan kapal dan bot dengan pemajuan bersifat sementara boleh dibenarkan dengan syarat di dalam guna tanah perumahan, komersial, dan komersial pelancongan. <p>Aktiviti perlombongan dan pengkuarian dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat kelulusan / persetujuan dari agensi teknikal yang berkaitan; ii. Kawasan tadahan air perlu dikenalpasti; iii. Sebarang aktiviti perlombongan dan pengkuarian perlu mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang dan pelan-pelan berkaitan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal terlibat; iv. Bagi kawasan perlombongan dan pengkuarian perlu dikembalikan kepada keadaan yang stabil dan produktif supaya dapat dimanfaatkan semula setelah tamat tempoh pajakan; v. Kawasan perlombongan dan pengkuarian di Hutan Simpanan Kekal (HSK) tidak dibenarkan; vi. Kawasan Central Forest Spine (CFS) yang terletak di luar HSK sahaja yang dibenarkan untuk aktiviti perlombongan dan pengkuarian; vii. Perlu mematuhi Garis Panduan Pemulihan Tapak Perlombongan dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) (sekiranya tapak terlibat berada di dalam kawasan CFS) dan GPP Kawasan Sensitif Alam Sekitar terbitan PLANMalaysia (sekiranya tapak terlibat berada di dalam kawasan KSAS); dan viii. Sekiranya melibatkan zon pesisiran pantai – hendaklah mematuhi garis panduan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara ke-2. 	<ul style="list-style-type: none"> 1. Industri pembuatan 2. Jentera /enjin/mesin yang tidak terkelas di mana aktiviti yang lain 3. Industri pembuatan peralatan landasan 4. Industri pembuatan badan 5. Pembuatan kenderaan/kapal/bot 6. Aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan <p>Nota:</p> <p>Kawasan yang dikenalpasti terdapatnya potensi mineral yang ekonomik adalah dibenarkan dengan syarat untuk kerja-kerja eksplorasi, cari gali dan pajakan melombong dan kuari mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral (Terengganu) 2002.</p>

Nota:

- a. Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan ini perlu dibaca bersama:
 - i. Jilid I dan III di dalam RT Daerah Kuala Terengganu 2035, Warta pada 19 Disember 2019, (No. Warta 1700), dan
 - ii. Jadual 4 : Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan Jilid III, Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu 2035
- b. Aktiviti perlombongan dan pengkuarian di Hutan Simpanan Kekal (HSK) tidak dibenarkan kecuali bagi permohonan yang telah diluluskan oleh MMKN sehingga September 2022.

KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN

Jadual 4 : Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan

Sambungan...

Kelas C Industri

Kelas	Penerangan	Aktiviti
Kelas C16 Industri Berat	<p>Premis atau kawasan yang menyediakan perkhidmatan industri berat yang lain.</p> <p>Nota: Aktiviti perlombongan dan pengkuarian dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat kelulusan / persetujuan dari agensi teknikal yang berkaitan; ii. Kawasan tadahan air perlu dikenalkan; iii. Sebarang aktiviti perlombongan dan pengkuarian perlu mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang dan pelan-pelan berkaitan daripada Pihak Berkuastra Tempatan (PBT) dan agensi teknikal terlibat; iv. Bagi kawasan perlombongan dan pengkuarian perlu dikembalikan kepada keadaan yang stabil dan produktif supaya dapat dimanfaatkan semula setelah tamat tempoh pajakan; v. Kawasan perlombongan dan pengkuarian di Hutan Simpanan Kekal (HSK) tidak dibenarkan; vi. Kawasan Central Forest Spine (CFS) yang terletak di luar HSK sahaja yang dibenarkan untuk aktiviti perlombongan dan pengkuarian; Perlu mematuhi Garis Panduan Pemulihan Tapak Perlombongan dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) (sekiranya tapak terlibat berada di dalam kawasan CFS) dan GPP Kawasan Sensitif Alam Sekitar terbitan PLANMalaysia (sekiranya tapak terlibat berada di dalam kawasan KSAS); dan vii. Sekiranya melibatkan zon pesisiran pantai – hendaklah mematuhi garis panduan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara ke-2. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Industri olahan dan kitar semula 2. Sisa buangan berjadual 3. Kompleks kargo berbahaya 4. Kuari 5. Industri memproses bahan 6. Buangan toksik dan sisa 7. Berbahaya 8. Sanitari 9. Perkhidmatan yang berkaitan 10. Aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan <p>Nota:</p> <p>Kawasan yang dikenalpasti terdapatnya potensi mineral yang ekonomik adalah dibenarkan dengan syarat untuk kerja-kerja eksplorasi, cari gali dan pajakan melombong dan kuari mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral (Terengganu) 2002.</p>

Nota:

- a. Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan ini perlu dibaca bersama:
- i. Jilid I dan III di dalam RT Daerah Kuala Terengganu 2035, Warta pada 19 Disember 2019, (No. Warta 1700), dan
 - ii. Jadual 4 : Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan Jilid III, Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu 2035

- b. Aktiviti perlombongan dan pengkuarian di Hutan Simpanan Kekal (HSK) tidak dibenarkan kecuali bagi permohonan yang telah diluluskan oleh MMKN sehingga September 2022.



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA TERENGGANU 2035 (PENGUBAHAN 1)



PLANMalaysia
@Terengganu
Perancangan Melangkuai Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

**PLANMalaysia Negeri Terengganu
(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri
Terengganu)**

Tingkat 3 & 4 Wisma Negeri
20646 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Tel : +6 09 – 630 1214
Faks : +6 09 – 6244 117
Emel : pbandar@terengganu.gov.my
Portal Jabatan : www.jpbdtrg.gov.my



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA TERENGGANU 2035

PENGUBAHAN 1

Merujuk kepada pindaan RT di mana RT asal dibaca bersama, dan pengubahan RT ini dibuat adalah kerana:

Terdapat perubahan berkenaan pernyataan bertulis di dalam Jadual Kelas Kegunaan Tanah bagi beberapa BPK terlibat.